



NEWSLETTER

TREN PENUAAN PENDUDUK MALAYSIA DAN JOHOR

LATAR BELAKANG

Penuaan penduduk merupakan satu fenomena yang bakal berlaku disetiap negara termasuk Malaysia. Berdasarkan kepada **definisi United Nation (2011)**, **sekiranya penduduk yang berumur 65 tahun ke atas di sesebuah negara mencapai 15 peratus dari keseluruhan penduduk**, maka sesebuah negara berkenaan akan digelar sebagai negara tua.


Namun begitu definisi penuaan adalah berbeza di Malaysia iaitu di bawah **Dasar Warga Emas Negara (DWEN)** telah mendefinisikan penuaan adalah penduduk yang berumur 60 tahun ke atas dan telah mencapai 15 peratus maka negara tersebut adalah digelar negara tua. Penuaan penduduk turut menyentuh setiap aspek hidup individu, masyarakat dan negara.



Peningkatan umur perkahwinan pertama bagi wanita atau peningkatan wanita tidak berkahwin



PUNCA PENUAAN:
Kadar kelahiran yang turun mendadak



Penyertaan wanita dalam tenaga buruh yang menyebabkan wanita lewat dan tidak berkahwin




Peningkatan bilangan wanita dalam pendidikan

Pertambahan warga tua telah mengakibatkan peralihan demografi penduduk iaitu baby boom kepada elderly boom (Aris Ananta dan Evi Nurvidya, 2009). Ia juga digelar sebagai *Floridization Of The World* kerana ia telah mempengaruhi masyarakat dan tempat




Kesan ini telah memberikan satu kebimbangan kepada rakyat dan terdapat satu kajian dari firma penyelidikan pasaran Ipsos Sdn Bhd (Ipsos) di mana negara Malaysia menduduki tangga keempat dari 29 buah negara di kalangan rakyat yang meniti usia tua selepas Brazil, China dan Rusia. Berdasarkan dapatan kajian tersebut merekodkan 62 peratus rakyat Malaysia bimbang berhubung penuaan.

Sumber: Berita RTM: 14 Ogos 2019



Impak sekiranya bilangan warga tua adalah tinggi adalah mempengaruhi pasaran tenaga buruh yang akan mengakibatkan produktiviti negara terjejas. Bagi memastikan produktiviti tidak terjejas, negara perlu mengimport pekerja asing yang seterusnya menyebabkan masalah sosial meningkat seperti pembawa penyakit dan mengancam keselamatan penduduk setempat. Selain itu juga nisbah tanggungan juga akan meningkat bagi penduduk yang berumur 15 -64 tahun, meningkatkan kos kerajaan dari segi penyediaan kemudahan kesihatan dan struktur keluarga akan berubah.



TREN PENUAAN PENDUDUK MALAYSIA, 1970-2020

| Tahun | Malaysia(000) | | | | |
|-------|---------------|------------------------------|---------------------|------------------------------|---------------------|
| | Jumlah | Warga tua (60 tahun ke atas) | Kadar peratusan (%) | Warga tua (65 tahun ke atas) | Kadar peratusan (%) |
| 1970 | 10,881.8 | 591.5 | 5.4% | 356.8 | 3.3% |
| 1980 | 13,879.3 | 759.5 | 5.5% | 491.1 | 3.5% |
| 1990 | 18,102.4 | 1,015.6 | 5.6% | 658.5 | 3.6% |
| 2000 | 23,494.9 | 1,451.1 | 6.2% | 931.8 | 4.0% |
| 2010 | 28,588.6 | 2,248.6 | 7.9% | 1,425.1 | 5.0% |
| 2020e | 32,657.3 | 3,502.6 | 10.7% | 2,293.2 | 7.0% |

Mengikut definisi DWEN, antara tahun 1970-2010 jumlah warga tua berumur 60 tahun ke atas di Malaysia telah meningkat daripada 5.4% kepada 10.7% pada tahun 2020. Sementara itu jika mengikut definisi PBB, jumlah warga tua berumur 65 tahun ke atas di mana populasi warga tua meningkat sangat ketara iaitu 3.3% (1970) kepada 7.0% (2020e). Dijangkakan populasi warga tua akan meningkat kepada 20.8% pada tahun 2050 akan datang United Nations. 2001a

Sumber: Data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 1970-2020

Keadaan ini disebabkan berlakunya penurunan kesuburan penduduk yang ketara. Berdasarkan kepada sumber Jabatan Perangkaan Malaysia, Negara Malaysia mengalami kadar kesuburan yang rendah iaitu 2.0 (2020) berbanding 4.9 (1970).

KADAR KESUBURAN RENDAH:



- Peningkatan taraf pendidikan dalam kalangan wanita dewasa
- Penyertaan wanita dalam tenaga buruh (55.9%) pada Januari 2020 selari dengan arus pemodenan negara
- Penangguhan perkahwinan dalam kalangan wanita muda dan bekerjaya
- Amalan perancang keluarga yang tinggi dalam peningkatan taraf hidup penduduk Johor

3

TREN PENUAAN PENDUDUK NEGERI JOHOR, 1970-2020

| Tahun | Malaysia(000) | | | | |
|-------|---------------|------------------------------|---------------------|------------------------------|---------------------|
| | Jumlah | Warga tua (60 tahun ke atas) | Kadar peratusan (%) | Warga tua (65 tahun ke atas) | Kadar peratusan (%) |
| 1970 | 1,325.6 | 71.1 | 5.4% | 42.6 | 3.2% |
| 1980 | 1,646.2 | 89.7 | 5.4% | 60.9 | 3.7% |
| 1990 | 2,139.6 | 118.5 | 5.5% | 76.7 | 3.6% |
| 2000 | 2,762.5 | 172.0 | 6.2% | 109.3 | 4.0% |
| 2010 | 3,362.9 | 276.8 | 8.2% | 176.9 | 5.3% |
| 2020e | 3,781.1 | 428.8 | 11.3% | 282.0 | 7.5% |

Mengikut definisi DWEN, antara tahun 1970-2010 jumlah warga tua berumur 60 tahun ke atas di Malaysia telah meningkat daripada 5.4% kepada 11.3% pada tahun 2020. Sementara itu jika mengikut definisi PBB, Jumlah warga tua berumur 65 tahun ke atas di mana populasi warga tua meningkat sangat ketara iaitu 3.2% (1970) kepada 7.5% (2020e).



Sumber: Data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 1970-2020

| Tahun | Umur 60 Tahun (%) | | Umur 65 Tahun (%) | |
|-------|-------------------|-------|-------------------|-------|
| | Malaysia | Johor | Malaysia | Johor |
| 1970 | 5.4% | 5.4% | 3.3% | 3.2% |
| 1980 | 5.5% | 5.4% | 3.5% | 3.7% |
| 1990 | 5.6% | 5.5% | 3.6% | 3.6% |
| 2000 | 6.2% | 6.2% | 4.0% | 4.0% |
| 2010 | 7.9% | 8.2% | 5.0% | 5.3% |
| 2020e | 10.7% | 11.3% | 7.0% | 7.5% |

Berdasarkan kepada Jadual di atas didapati populasi warga tua Negeri Johor adalah lebih pantas berbanding populasi warga tua peringkat nasional. Ini dapat dilihat selepas tahun 2010 dan 2020e populasi warga tua Negeri Johor tumbuh lebih pantas berbanding warga peringkat Malaysia.


KEPENDUDUKAN PENDUDUK NEGERI JOHOR

Unjuran bilangan penduduk negeri Johor:



Sumber: Data Banci dan Perumahan DOSM Johor


CARTA 1: TREND KOMPOSISI PENDUDUK JOHOR MENGIKUT KEWARGANEGARAAN



Sumber: Data Banci dan Perumahan DOSM Johor

Bilangan penduduk di Johor mencatatkan peningkatan jumlah dari tahun 2010 hingga 2050 di mana ia didahului oleh jumlah penduduk yang berwarganegara Malaysia. Selari dengan peningkatan jumlah penduduk bagi setiap sepuluh tahun, penduduk yang tidak memiliki kewarganegaraan turut menyumbang kepada peningkatan penduduk Johor.


CARTA 2: POPULASI PENDUDUK JOHOR 2010




Sumber: Data Population Quick Info

Peningkatan peratusan umur tua di Johor diunjurkan semakin meningkat dari tahun 2010 hingga 2040. Peratusan umur tua meningkat kepada 7.4 peratus (2015: 0.1%) Peratusan umur muda dan umur bekerja pada tahun 2020 mencatatkan penurunan kepada 69.5 peratus (2015; 69.9%) dan dijangka terus berlaku penurunan peratusan sehingga 2040. Kategori umur dewasa merupakan penyumbang terbesar kepada komuniti penduduk Johor sehingga kini.


CARTA 3: POPULASI PENDUDUK JOHOR 2020



CARTA 4: POPULASI PENDUDUK JOHOR 2030



CARTA 5: POPULASI PENDUDUK JOHOR 2040




CARTA 6: TREND DEMOGRAFI MENGIKUT JANTINA DAN KOMPOSISI UMUR JOHOR



Sumber: Data Banci dan Perumahan DOSM Johor

CARTA 7: PERATUSAN PENDUDUK KATEGORI TUA NEGERI JOHOR



Sumber: Data Banci dan Perumahan DOSM Johor



Piramid kumpulan umur penduduk negeri Johor yang mempunyai asas yang besar menunjukkan kadar kelahiran yang tinggi dan cerun cembung pyramid mencerminkan kadar kematian rendah pada populasi kumpulan umur dewasa dan bekerja. Bahagian puncak pyramid menunjukkan populasi yang lebih tua dan semakin bertambah setiap 1 dekad di Johor.




Kumpulan jantina lelaki mencatatkan bilangan yang lebih tinggi berbanding bilangan perempuan yang tinggal di Johor. Ini dapat dilihat bahawa lelaki di Johor yang memiliki kewarganegaraan dan daripada etnik bumiputera telah mendominasi kependudukan negeri Johor seterusnya menjadi penyumbang utama kepada penambahan penduduk.

Majoriti penduduk kategori tua di Johor adalah berumur 65 tahun sehingga 79 tahun di mana ia menunjukkan peratusan yang tinggi berbanding warga tua yang berumur 80 tahun dan ke atas. Bermula tahun 2017, penduduk Johor dari kategori umur 80 tahun dan ke atas menunjukkan peningkatan peratusan yang berterusan sehingga 2020. Purata kematian turut terkesan selari dengan penambahan peratusan kategori tua bagi setiap tahun di Johor, di mana peratusan kematian bertambah disebabkan faktor umur.

KADAR KEMATIAN DAN KELAHIRAN PENDUDUK JOHOR

Negeri Johor merupakan negeri kedua tertinggi yang mempunyai bilangan kematian penduduk pada suku tahun ke empat 2019 sebanyak 5,466 kematian. Bilangan dan kadar kematian penduduk Johor pada tahun 2018 terus meningkat dengan kadar 2.2 peratus (21,117 juta) berbanding 2017. Kadar kematian kasar tertinggi bagi setiap 1,000 penduduk pada tempoh 2010 - 2018 adalah sebanyak 5.6 peratus kematian.

CARTA 7: BILANGAN DAN KADAR KEMATIAN KASAR, JOHOR 2010-2018



Kadar kematian kasar mengikut etnik, Johor pada 2015 sehingga 2018 bagi setiap 1,000 penduduk secara rawak mencatatkan peningkatan pada setiap tahun. Etnik India mendahului nilai tertinggi dengan kematian sebanyak 7.1 peratus (2018) dan etnik lain-lain (termasuk bukan warganegara) dengan kematian sebanyak 1.7 peratus (2018).

Sumber: Pocket Stats ST1 DOSM Johor 2020

RAJAH 1: BILANGAN DAN KADAR KEMATIAN SERTA KELAHIRAN HIDUP MENGIKUT DAERAH PENTADBIRAN 2018

KOTA TINGGI



Kematian: 1,608
(7.2%)

Kelahiran Hidup:
4,472 (19.9%)

MERSING



Kematian: 625
(7.6%)

Kelahiran Hidup:
1,687 (20.4%)

BATU PAHAT



Kematian: 2,978
(6.3%)

Kelahiran Hidup:
7,017 (14.8%)

KULAI



Kematian: 1,228
(4.3%)

Kelahiran Hidup:
3,977 (13.6%)

MUAR



Kematian: 1,837
(6.5%)

Kelahiran Hidup:
4,329 (15.4%)

KLUANG



Kematian: 1,964
(5.7%)

Kelahiran Hidup:
4,771 (13.9%)

JOHOR BAHRU



Kematian: 7,067
(4.5%)

Kelahiran Hidup:
26,429 (16.5%)

TANGKAK



Kematian: 965
(6.2%)

Kelahiran Hidup:
2,212 (14.2%)

PONTIAN



Kematian: 1,275
(7.2%)

Kelahiran Hidup:
2,858 (16.6%)

SEGAMAT



Kematian: 1,570
(7.3%)

Kelahiran Hidup:
3,232 (15.0%)


Sumber: Pocket Stats ST4 DOSM Johor 2019

Kadar kelahiran hidup bagi jantina perempuan dan lelaki pada tahun 2012 mencatatkan kadar yang paling tinggi (17.90 peratus) diantara tahun 2010 sehingga 2018.

CARTA 8: KADAR KELAHIRAN HIDUP NEGERI JOHOR 2010 - 2018



Sumber: Pocket Stats ST1 DOSM Johor 2020




2018:
(16.60 % Perempuan)
(16.00 % Lelaki)

Negeri Johor mencatatkan perbezaan kadar kelahiran lelaki dan perempuan yang ketara pada tahun 2018 dengan kelahiran lelaki sebanyak 31,656 juta dan perempuan 29,428 juta. Kelahiran penduduk negeri Johor telah dilihat secara lebih terperinci melalui daerah-daerah kecil yang ada di dalamnya dimana daerah Johor Bahru mendahului dengan jumlah tertinggi (13,707 juta) kelahiran lelaki; 12,722 juta kelahiran perempuan. Daerah Mersing mencatatkan pertumbuhan yang paling rendah berbanding daerah lain (866: Lelaki; 821: Perempuan)

Johor mencatatkan kadar kelahiran yang lebih tinggi berbanding kadar kematian. Kadar kelahiran hidup dapat dilihat semakin menurun pada tahun 2014(17.0%) sehingga tahun 2018(16.3%). Dalam masa yang sama kadar kematian mencatatkan pertumbuhan bagi setiap tahun dan ianya konsisten pada 2017 sehingga 2018. Kadar kelahiran hidup dan kadar kematian penduduk Johor bergantung kepada beberapa faktor utama.

CARTA 9: KADAR KEMATIAN DAN KELAHIRAN HIDUP JOHOR 2010 - 2018



- Perubahan struktur umur penduduk adalah antara penyumbang kepada peningkatan bilangan dan kadar kematian di Johor. Secara tidak langsung ianya adalah selari dengan peningkatan atau penurunan dalam jumlah penduduk tua di Johor di mana kategori umur tua bermula dari umur 65 tahun dan ke atas.
- Selain itu, kadar kematian juga menunjukkan sedikit peningkatan atau penurunan tetapi dengan kadar perlahan setiap tahun bermula 2011 sehingga 2019.

Nota:

Sumber: Berita RTM: 14 Ogos 2019

Sumber Pocket Stats Johor ST1 2020

Sumber Laporan Sosioekonomi Johor 2019

Sumber Perangkaan Penting Malaysia 2019

Sumber: Data Banci Penduduk dan Perumahan Johor 2010

Sumber: Data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 1970-2020

Sumber Perubahan saiz populasi dan taburan komposisi Negeri Johor